

## **PENDEKATAN KAEDAH BIMBINGAN SECARA INDIVIDU DAN PENGUNAAN KAD SUKU KATA (“KV+KV”) DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS PERKATAAN DUA SUKU KATA TERBUKA BAHASA MELAYU MURID TAHUN EMPAT**

Oleh

**Raffi bin Smail**  
**deNg\_aP@yahoo.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk melihat bagaimana pendekatan bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata (“KV+KV”) meningkatkan kemahiran menulis perkataan dua suku kata terbuka seorang murid Tahun Empat, iaitu Edan, dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga bertujuan untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya. Kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen telah saya gunakan untuk mengumpul data. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan dan pola. Data disemak menggunakan triangulasi masa dan triangulasi sumber. Hasil kajian menunjukkan pendekatan bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata (“KV+KV”) membantu Edan meningkatkan kemahiran menulis perkataan Bahasa Melayu yang mempunyai dua suku kata terbuka. Amalan sendiri saya turut ditambah baik melalui penggunaan kad suku kata (“KV+KV”) dan kaedah bimbingan secara individu.*

*Kata kunci: Bimbingan individu, kad suku kata (“KV+KV”), perkataan dua suku kata terbuka, kemahiran menulis*

### **ABSTRACT**

*This action research was carried out to see how individual guidance approach and card syllables (“KV + KV”) improved the writing of two syllable words of a Year Four pupil in Malay language. The other purpose of this study was to improve my skills in teaching. There were few methods that I have used to collect data such as, through observation, interviews and document analysis. Data were analyzed using content analysis and patterns analysis. The data were checked using triangulation of time and sources. Result of this study showed that individual guidance approach and card syllables (“KV + KV”) helped the pupil in improving his writing skill related to two syllable words. My practices also improved through the use of card syllables (“KV+KV”) and individual guidance approach.*

*Keywords: Individual guidance, card syllable (“KV+KV”), two syllable words, writing skills*

## **PENGENALAN**

### **Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran**


Praktikum fasa satu telah saya jalankan di SK Bukit Mong. Sekolah ini terletak di pinggir bandar raya Kuching. Untuk praktikum fasa pertama, saya telah diberi tanggungjawab untuk mengajar murid Tahun Tiga. Jumlah murid dalam kelas ini ialah 26 orang. Dalam tempoh saya melaksanakan tanggungjawab ini, terdapat beberapa masalah yang saya perhatikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Cara penyampaian pengajaran saya kadang-kadang tidak jelas menyebabkan murid bertanya banyak kali tentang sesuatu perkara. Namun, saya telah meminta pendapat dan pandangan daripada guru pembimbing dan pensyarah pembimbing berkaitan dengan masalah tersebut.

Pelaksanaan praktikum untuk fasa kedua pula telah saya laksanakan di SK Bendahara. Lokasi sekolah ini ialah dalam kawasan perumahan berdekatan dengan bandar raya Kuching. Pada praktikum kali ini, tanggungjawab untuk mengajar Tahun Lima bagi subjek Bahasa Melayu dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan telah diberikan kepada saya. Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dalam praktikum kali ini dapat saya jalankan dengan baik berbanding dengan pelaksanaan dalam praktikum fasa satu. Namun yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran kurang lancar kerana terdapat sebilangan murid yang masih mempunyai masalah kemahiran Bahasa Melayu. Murid masih tidak tahu membaca dan menulis walaupun sudah berada di Tahun Lima. Saya kasihan melihat keadaan murid-murid yang agak ketinggalan ini. Oleh kerana kekangan masa, saya tidak berkesempatan untuk membantu murid-murid ini sekurang-kurangnya membatang perkataan yang mempunyai dua suku kata.

Bagi pelaksanaan praktikum fasa tiga, saya berpeluang untuk membimbing dan membantu murid yang mempunyai masalah dalam kemahiran menulis. Saya cuba membantu murid tersebut supaya dapat menulis sekurang-kurangnya perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka. Ini adalah kerana apabila murid berjaya menguasai kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka, maka dia akan mudah untuk menulis perkataan yang mempunyai beberapa suku kata seterusnya. Kemahiran menulis sangat penting bagi seseorang murid kerana kemahiran ini diguna pakai dalam menjawab peperiksaan bertulis.


### **Isu Keprihatinan**

Pada 8 Februari 2012, saya telah memberi latihan membina ayat berdasarkan perkataan dalam lembaran kerja. Semasa murid membuat latihan tersebut, saya telah memeriksa cara murid membuat. Pada ketika ini, saya mendapati salah seorang murid tidak dapat membuat latihan tersebut. Lembaran kerja tidak ditulis apa-apa walaupun nama murid itu sendiri. Saya bertanya kepada murid tersebut sama ada dia dapat membuat latihan tersebut ataupun tidak. Dia hanya tersenyum dan menggeleng-geleng kepala. Rajah 1 menunjukkan hasil latihan membina ayat murid tersebut.




Rajah 1. Hasil latihan membina ayat (8 Februari 2012).

Saya pun memberi satu latihan baharu yang arasnya lebih mudah. Namun semua jawapan murid dalam latihan tersebut salah. Rajah 2 menunjukkan hasil latihan aras mudah murid tersebut.



Rajah 2. Hasil latihan aras mudah (8 Februari 2012).

Berdasarkan latihan tersebut, saya mendapati tahap kemahiran menulis murid ini sangat lemah sehingga tidak dapat menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka. Saya pun memberi bimbingan kepada murid tersebut cara melaksanakan latihan tersebut dengan menulis suku kata-suku kata yang membentuk perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka. Kemudian, saya memberi latihan yang sama kepada murid tersebut. Rajah 3 menunjukkan hasil latihan aras mudah selepas mendapat bimbingan.



Rajah 3. Hasil latihan aras mudah dengan bimbingan (8 Februari 2012).

Hasil latihan ini menjadi data pengesanan awal untuk penyelidikan tindakan yang saya laksanakan. Murid yang mengalami masalah dalam kemahiran menulis ini ialah Edan (nama samaran). Memandangkan masalah ini agak kritikal, saya bertekad membantu beliau dalam kajian ini.

### Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk membantu Edan dalam kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka melalui pendekatan bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata ("KV+KV").

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menambahbaik amalan sendiri melalui pengenalan kaedah bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata dalam meningkatkan kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Apakah kesan bimbingan individu dan penggunaan kad suku kata terhadap Edan dalam kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka ("KV+KV") ?
- Bagaimanakah kaedah bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata terbuka dapat meningkatkan amalan sendiri dalam membantu murid Tahun Empat meningkatkan kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Menurut Don Bryne (1979), menulis adalah kemahiran menggunakan simbol grafik iaitu huruf atau kombinasi huruf-huruf yang berkaitan dengan bunyi yang diujarkan apabila kita bertutur. Kamarudin Haji Husin(1988) menyatakan tulisan sebagai bahasa yang bertulis dengan lambang-lambang bunyi dan dikatakan bahasa apabila tulisan tersebut dibunyikan. Oleh demikian, keupayaan menulis merupakan satu kemahiran yang menjadi punca atau asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah.

Penyelidikan tindakan yang dilaksanakan menggunakan pendekatan bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata ('KV+KV'). Tinjauan literatur mengenai kaedah bimbingan telah dibuat. Selain itu, kajian lepas berkaitan dengan penggunaan kaedah bimbingan secara individu turut dikaji. Tiong Houg Ching (2005) dalam kajiannya memberi bimbingan kepada murid-muridnya untuk menulis dengan betul. Beliau juga turut menjadi 'role model' kepada murid-murid supaya mereka dapat mempraktikkan kemahiran yang ditunjukkan dan ternyata kaedah bimbingan tersebut berjaya membantu muridnya. Kajian Zailan Jeman (2005) menggunakan pendekatan yang sama iaitu pendekatan bimbingan individu secara intensif. Beliau kerap membimbing peserta kajiannya secara individu di dalam kelas. Selain itu, beliau juga turut menegur kesilapan peserta kajiannya dari semasa ke semasa melalui buku latihan yang dihantar kepadanya. Melalui program tersebut, beliau mendapati ada perubahan ketara yang berlaku terhadap peserta kajiannya walaupun masih terdapat sedikit kesilapan. Saya mendapati Edan dapat menulis suku kata dan perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka sekiranya diberi bimbingan kepadanya tentang cara penulisan suku kata dan perkataan dua suku kata terbuka tersebut.

### **Pelaksanaan Tindakan**


Setelah saya memperoleh data pengesanan awal pada 8 Februari 2012, saya mula melaksanakan tindakan untuk kajian saya. Jadual pelaksanaan tindakan yang dilaksanakan ditunjukkan pada jadual.

Jadual 1

*Pelaksanaan Tindakan terhadap Edan*


<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Catatan</b>
Tindakan 1	14/02/2012 17/02/2012	Memberi bimbingan kepada Edan untuk mengenal suku kata. Saya memberikan kad suku kata kepada Edan dan meminta dia menyebut mengikut sebutan saya kemudian menulis di dalam latihan.
Tindakan 2	14/03/2012	Memberi kad suku kata kepada Edan, kemudian dia menyebut kad tersebut. sekiranya tidak dapat, saya akan membimbing dia. Setelah berjaya menyebut sendiri barulah menulis di dalam latihan.
Tindakan 3	20/03/2012	Memberi kad suku kata, kemudian meminta dia menggabungkan dua kad suku kata membentuk satu perkataan. Jika tidak dapat saya cuba membimbing dia. Setelah berjaya, barulah dia menulis perkataan tersebut di dalam latihan.
Tindakan 4	23/03/2012	Memberi kad suku kata dan kad gambar kepada Edan. Berdasarkan kad gambar, Edan diminta membentuk perkataan gambar tersebut. Bimbingan diberikan sekiranya Edan tidak dapat melaksanakan. Kemudian Edan akan menulis perkataan tersebut di dalam latihan.
Tindakan 5	04/04/2012	Menyediakan gambar dan petak untuk suku kata dalam latihan. Edan mengisi sendiri suku kata yang dapat membentuk perkataan gambar dalam latihan tersebut. Bimbingan diberikan sekiranya Edan keliru.
Tindakan Akhir	23/04/2012	Menyediakan latihan menulis seperti dalam tindakan lima tanpa memberi bimbingan. Edan dapat menulis semua perkataan yang mempunyai dua suku kata dalam latihan itu dengan baik.

Dalam Tindakan 1 pada 14 Februari 2012, saya memberi bimbingan secara individu kepada Edan berkaitan cara menulis suku kata dan perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka. Kemudian saya membimbing Edan dan membiasakan diri dengan suku kata menggunakan kad suku kata. Saya menyebut, Edan menunjukkan kad tersebut. Rajah 4 menunjukkan pelaksanaan tindakan untuk bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata terhadap Edan.




Rajah 4. Bimbingan individu dan penggunaan kad suku kata (14 Februari 2012).

Setelah dibimbing cara menulis dan mengenal suku kata menggunakan kad tersebut untuk beberapa hari, saya memberi latihan menulis kepada Edan. Saya menyebut suku kata dan perkataan yang mempunyai dua suku kata, Edan menulis dalam lembaran kerja yang saya berikan. Rajah 5 menunjukkan hasil latihan menulis Edan dalam Tindakan 1.



Rajah 5. Hasil latihan menulis dalam Tindakan 1 (17 Februari 2012).

Dalam setiap tindakan yang saya laksanakan, bimbingan secara individu, kad suku kata terbuka dan latihan menulis menggunakan lembaran kerja saya berikan kepada Edan. Dalam Tindakan 5, saya membuat satu penambahan dalam tindakan saya iaitu memberi kad gambar kepada Edan. Tujuan saya memberi kad gambar kepada Edan adalah untuk memastikan Edan tahu apakah makna atau objek perkataan dua suku kata terbuka yang dituliskannya. Rajah 6 menunjukkan kad gambar yang diberikan kepada Edan dalam Tindakan 5 pada 4 April 2012.



Rajah 6. Kad gambar diberikan kepada Edan ( 4 April 2012).

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Edan merupakan peserta kajian untuk penyelidikan tindakan yang dilaksanakan. Edan ialah murid lelaki dalam kelas Tahun 4 Arif. Perangai pelik Edan ialah dia suka bermain dengan objek (pembaris) dalam kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Tempat duduk Edan di dalam kelas terletak di bahagian belakang dan tahap kemahiran menulis Edan sangat lemah. Selain itu, saya sendiri juga merupakan peserta kajian dalam kajian ini. Kemmis (1988) menyatakan tujuan penyelidikan tindakan adalah untuk meningkatkan amalan sendiri seseorang dalam profesionnya.

### Etika Penyelidikan

Sebelum saya melaksanakan penyelidikan terhadap Edan, saya telah memberi penerangan kepada Edan mengenai penyelidikan tindakan yang saya laksanakan dan saya juga memberitahu sebab saya melibatkannya sebagai peserta kajian. Setelah Edan memahami apa yang saya terangkan mengenai penyelidikan tindakan yang saya laksanakan, saya telah memberi surat kebenaran dan perjanjian untuk menjaga kerahsiaan identitinya sebagai peserta kajian saya di samping memenuhi elemen etika yang dititikberatkan dalam proses melaksanakan penyelidikan tindakan.

### Teknik Mengumpul Data

Dalam melaksanakan penyelidikan tindakan, saya telah menggunakan tiga teknik untuk mengumpul data. Teknik yang digunakan untuk mengumpul data ialah melalui temu bual dengan guru dan murid, catatan berdasarkan pemerhatian dan analisis dokumen menggunakan lembaran kerja.

### Temu bual

Saya telah menemu bual untuk mendapatkan maklumat mengenai kesan penggunaan kad suku kata dan bimbingan individu. Berikut ialah transkrip temu bual antara saya dengan guru pembimbing.

Saya : Awak **suka tak cara cikgu ajar awak menulis?**

Edan : **Suka** cikgu...

Saya : Apa yang buat awak suka Edan..?

Edan : **Cikgu ajar saya guna kad ini**(sambil mengangkat kad suku kata)...

Saya : Edan selesai ke duduk di sini (meja guru di hadapan kelas) setiap kali


cikgu masuk kelas?

Edan : **Selesa cikgu..sini Dylan**(bukan nama sebenar,kawan sebelah meja  
Edan tak kacau saya buat kerja cikgu..( Di sini selesa cikgu, Dylan tidak  
ganggu saya buat kerja sekolah cikgu).

TTB 23/4/2012

### Pemerhatian


Saya membuat pemerhatian semasa pelaksanaan tindakan terhadap Edan. Seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1 saya membuat catatan pemerhatian tersebut. Rajah 8 menunjukkan satu contoh catatan berdasarkan pemerhatian yang dibuat pada 23 Mac 2012.



Rajah 1.8. Catatan pemerhatian (23 Mac 2012).

### Analisis Dokumen

Selain itu, hasil akhir latihan menulis menggunakan lembaran kerja yang saya berikan kepada Edan dikumpulkan sebagai data untuk kajian yang dilaksanakan. Rajah 9 menunjukkan latihan menulis dalam lembaran kerja yang diberikan kepada Edan.



Rajah 9. Satu contoh latihan menulis menggunakan lembaran kerja (23 Mac 2012).

### Teknik Menganalisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis kandungan dan pola.

### Analisis kandungan

Saya telah menganalisis kandungan yang terdapat dalam transkrip temu bual, catatan berdasarkan pemerhatian dan analisis dokumen iaitu menyemak hasil latihan menulis dalam lembaran kerja yang dilaksanakan oleh Edan.

### Analisis kandungan temu bual

Untuk data temu bual, saya telah mentranskripsikannya terlebih dahulu seperti yang ditunjukkan berikut.




- Saya : Awak **suka tak cara cikgu ajar awak menulis?**  
Edan : **Suka** cikgu...  
Saya : Apa yang buat awak suka Edan..?  
Edan : **Cikgu ajar saya guna kad ini**(sambil mengangkat kad suku kata)...  
Saya : Edan selesa ke duduk di sini (meja guru di hadapan kelas) setiap kali cikgu masuk kelas?  
Edan : **Selesa cikgu..sini Dylan**(bukan nama sebenar,kawan sebelah meja Edan tak kacau saya buat kerja cikgu..( Di sini selesa cikgu, Dylan tidak ganggu saya buat kerja sekolah cikgu).

TTB 23/4/2012

Kandungan dianalisis yang menyatakan Edan suka belajar menggunakan kad suku kata dan mendapat perhatian yang cukup dalam membuat latihan yang diberi.

### **Analisis kandungan pemerhatian**

Kandungan catatan untuk pemerhatian pada 23 Mac 2012 dianalisis.




Rajah 10. Catatan berdasarkan pemerhatian dianalisis.

Berdasarkan analisis yang dibuat, Edan dapat membentuk perkataan dua suku kata berdasarkan kad suku kata dan kad gambar.

### **Analisis kandungan dokumen**

Rajah 11 menunjukkan contoh latihan menulis Edan yang disemak.



Rajah 11. Lembaran kerja Edan disemak.

Analisis kandungan dokumen menunjukkan cuma satu sahaja kesalahan yang dilakukan Edan dalam latihan menulis tersebut.

### **Analisis Pola**

Saya telah menganalisis setiap pola kesalahan yang dilakukan Edan dalam latihan menulis menggunakan lembaran kerja. Jadual 2 menunjukkan pola kesalahan untuk latihan menulis dalam lembaran kerja yang dilaksanakan Edan daripada 14 Februari hingga 23 April 2012.

Jadual 2

*Pola Kesalahan Latihan Menulis*

Bil	Tindakan / Tarikh Latihan Menulis	Jumlah Kesalahan Suku kata / Perkataan
1	Tindakan 1 / 14 Februari 2012	8 / 7
2	Tindakan 2 / 14 Mac 2012	5 / 5
3	Tindakan 3 / 20 Mac 2012	2 / 1
4	Tindakan 4 / 23 Mac 2012	1 / 1
5	Tindakan 5 / 4 April 2012	0 / 0
6	Tindakan Akhir / 23 April 2012	0 / 0


Analisis pola kesalahan menulis suku kata dan perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka dalam latihan menulis, menunjukkan peningkatan Edan dalam kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka.

**Teknik Menyemak Data**

Saya telah menggunakan triangulasi masa dan triangulasi sumber untuk menyemak data yang diperolehi dalam kajian ini.

**Triangulasi masa**


Triangulasi masa untuk menyemak data dilakukan yang mana saya telah mengumpul dan menyemak latihan menulis Edan. Setiap lembaran kerja yang saya berikan adalah berlainan tarikh. Ini adalah untuk melihat peningkatan Edan dalam kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka dalam sesuatu tempoh masa. Rajah 12 merupakan triangulasi masa untuk lembaran kerja Edan yang berlainan tarikh.



Rajah 12. Triangulasi masa untuk latihan menulis Edan.

**Triangulasi Sumber**

Bagi menyemak data menggunakan triangulasi sumber, saya telah menemu bual dan meminta pandangan rakan sepraktikum tentang kemahiran menulis Edan. Rajah 13 menunjukkan pandangan yang diberikan oleh rakan sepraktikum terhadap pelaksanaan tindakan yang dibuat.




Rajah 13. Triangulasi sumber melalui rakan sepraktikum (23 April 2012).

## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

- **Apakah kesan bimbingan individu dan penggunaan kad suku kata terhadap Edan dalam kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka (“KV+KV”) ?**

Berdasarkan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan, saya mendapati kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka Edan dapat ditingkatkan melalui pendekatan kaedah bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata. Ini berasaskan hasil akhir latihan menulis Edan dalam Tindakan Akhir penyelidikan tindakan. Rajah 14 menunjukkan hasil kerja latihan menulis menggunakan lembaran kerja dalam Tindakan Akhir.



Rajah 14. Hasil latihan menulis Tindakan Akhir terhadap Edan (23 April 2012).

Berikut transkrip temu bual dengan Edan ditunjukkan.

Saya : Awak **suka tak cara cikgu ajar awak menulis?**

Edan : **Suka** cikgu...

Saya : **Apa yang buat awak suka Edan..?**

Edan : **Cikgu ajar saya guna kad ini**(sambil mengangkat kad suku kata)...

Saya : **Edan selesa ke duduk di sini** (meja guru di hadapan kelas) **setiap kali cikgu masuk kelas?**

Edan : **Selesa cikgu..sini Dylan**(bukan nama sebenar,kawan sebelah meja Edan tak kacau saya buat kerja cikgu..( Di sini selesa cikgu, Dylan tidak ganggu saya buat kerja sekolah cikgu).

TTB 23/4/2012

Berdasarkan transkrip temu bual, didapati Edan suka dengan penggunaan kad suku kata dalam membantunya meningkatkan kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata. Selain itu, Edan juga memberitahu dia selesa membuat latihan yang diberikan di meja guru kerana tiada gangguan.

Menurut Zailan Jeman (2005) bimbingan individu yang diberikan kepada peserta kajiannya secara berterusan dan peneguran kesilapan secara langsung telah membawa perubahan yang positif kepada peserta kajiannya. Tiong Houg Ching (2005) menyatakan beliau memberi bimbingan individu kepada murid-muridnya dan menjadi role model supaya mereka dapat mempraktikkan kemahiran yang betul. Ternyata kaedah tersebut berjaya membantu murid-muridnya. Saya melihat Edan juga memerlukan bimbingan yang berterusan untuk meningkatkan kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka. Selain itu, penggunaan

kad suku kata juga banyak membantu Edan dalam meningkatkan kemahiran menulisnya.

- **Bagaimanakah kaedah bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata terbuka dapat meningkatkan amalan sendiri dalam membantu murid Tahun Empat meningkatkan kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka?**

Penyelidikan tindakan yang telah dilaksanakan telah meningkatkan amalan sendiri melalui pendekatan bimbingan secara individu dan penggunaan kad suku kata untuk meningkatkan kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata murid Tahun Empat.

Melalui kaedah pendekatan bimbingan secara individu, saya dapat mengeratkan hubungan dengan murid dan mengenal mereka dengan lebih mendalam. Ini secara tidak langsung dapat membantu saya mengenal pasti tahap murid di dalam kelas. Selain itu, murid juga mendapat perhatian yang cukup apabila diberi bimbingan secara individu.

Penggunaan kad suku kata membantu proses pengajaran dan pembelajaran menjadi seronok dan mudah difahami. Saya lebih berkeyakinan untuk melaksanakan pengajaran setelah melaksanakan penyelidikan tindakan dengan adanya proses kolaborasi, pembacaan mengenai kajian-kajian yang berkaitan dengan kajian saya dan pelaksanaan pengajaran yang terancang dan sistematik.

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Penyelidikan tindakan yang saya jalankan ini, telah membawa banyak kesan yang baik kepada peserta kajian saya iaitu Edan dan juga diri saya sendiri. Pelaksanaan penyelidikan tindakan ini banyak memberi pengalaman serta ilmu baharu kepada saya untuk meningkatkan cara melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Sebelum ini, saya kurang yakin untuk membimbing murid dalam proses pengajaran. Namun demikian, setelah saya melaksanakan kajian ini, saya dapat meningkatkan keyakinan untuk membimbing murid sekiranya murid tersebut mempunyai masalah dalam pembelajaran.

Kaedah yang saya gunakan terhadap peserta kajian saya ialah kaedah bimbingan individu. Sepanjang melaksanakan tindakan terhadap peserta kajian, saya telah mewujudkan hubungan yang baik dengan peserta kajian saya. Saya dapat mendalami peserta kajian saya berkaitan dengan masalah yang dialaminya. Saya telah memberi bimbingan individu kepada Edan secara berterusan. Pada mulanya, saya kurang mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi murid dan saya cuma membantu murid seperti 'melepaskan batuk di tangga.' Namun, setelah mendapat data awal, saya berasa kasihan terhadap masalah Edan. Edan mempunyai tahap yang sangat lemah dalam kemahiran menulis. Saya pun memberi bimbingan individu kepada Edan secara berterusan dan pengajaran penggunaan kad suku kata dan kad gambar untuk membiasakan Edan dengan suku kata.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Penyelidikan tindakan yang saya jalankan ini telah membantu saya untuk meningkatkan amalan sendiri berkaitan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Sebagai seorang guru, keupayaan murid haruslah diketahui. Perkara tersebut boleh dikenal pasti melalui latihan yang diberikan. Seperti pelaksanaan pengesanan data awal yang saya lakukan terhadap kelas Tahun Empat Arif, akhirnya saya dapat mengenal pasti kelemahan Edan dan secara tidak langsung saya dapat mengetahui apakah punca Edan tidak dapat menumpukan perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran. Setelah mengenal pasti kelemahan Edan, saya telah memilihnya sebagai peserta kajian untuk membantu Edan meningkatkan kemahiran menulis sekurang-kurangnya menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka.

Penggunaan bahan bantu mengajar juga sangat penting kerana dapat membantu merangsangkan murid untuk meningkatkan kemahiran yang diajar. Ini dapat dilihat apabila saya menggunakan kad suku kata dan kad gambar dalam mengajar Edan membentuk perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka.

### **Cadangan Tindakan Untuk Kitaran Seterusnya**

Sekiranya saya ditempatkan di SK Taluan Jong kelak, saya akan membuat tindakan susulan untuk kitaran seterusnya. Tindakan susulan tersebut ialah penggunaan kad suku kata dan kad gambar dalam bentuk yang berwarna-warni. Ini adalah kerana, murid lebih suka apabila melihat sesuatu yang berwarna. Perkara tersebut bukan sahaja dapat menarik minat murid untuk belajar, malah juga dapat meningkatkan daya ingatan murid sebab minda murid cepat mempelajari sesuatu yang berwarna dan menarik hati mereka.

Selain itu, kitaran seterusnya yang boleh dilaksanakan dalam kajian seterusnya ialah, kemahiran menulis perkataan yang mempunyai tiga suku kata terbuka. Setelah menguasai kemahiran menulis perkataan yang mempunyai dua suku kata terbuka, kemahiran murid boleh ditingkatkan dengan mengajar kemahiran menulis perkataan yang mempunyai tiga suku kata terbuka. Ini adalah untuk meningkatkan lagi kemahiran menulis Edan ke peringkat yang lebih tinggi.

### **RUJUKAN**

- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan kursus penyelidikan tindakan Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Muhammad Azizi Rahim. (2010). Kesan Bimbingan Individu Dalam Mengurangkan Kesilapan Menulis Huruf Besar di Tengah Perkataan Bahasa Melayu Murid Tahun Lima. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPGKBL(BM Pendidikan Rendah)*, 224-237.
- Kamarudin Hj. Husin. (1988). *Pedagogi bahasa*. Kuala Lumpur: Longman.
- Nik Safiah Abdul Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2004). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Tiong Houg Ching. (2005). Membaiki tulisan pelajar Tingkatan Peralihan dengan Kaedah Ansur Maju. Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan MPBL Tahun 2005, 84-96.
- Zailan Jeman. (2005). Besar dan kecil. *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan Tahun 2005*, 1-8.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Tahun 4 Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Isahak Haron. (2009). Awal membaca Bahasa Melayu: Kaedah suku kata. Diperoleh pada 14 Mac 2012 daripada <http://www.kaedahsukukata.com>
- Tungku Lapik. (2010). Kefasihan dalam membaca dan menulis murid Tahun Empat melalui Kaedah Latih Tubi dan Oral-Aural semasa membatang suku kata. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah)*, 238-249.